



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 3888
Faks : 603-88886187
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 46/2012 (11 hingga 17 November 2012)

Pada minggu ke 46, iaitu dari 11 hingga 17 November 2012, sejumlah 350 kes telah dilaporkan (*Lampiran A*). Terdapat tiga (3) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 5 kes di Selangor (4%) dan masing-masing 4 kes di Perlis (200%) dan Johor (25%). Kumulatif kes Demam Denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 17 November 2012 adalah 19,029 kes berbanding 17,302 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011, peningkatan sebanyak 10% (1,727 kes) manakala jumlah kumulatif kes kematian Demam Denggi sehingga Minggu Epid 46/2012 adalah sebanyak 33 kes, peningkatan sebanyak 5 kes (18%) berbanding 28 kes untuk tempoh yang sama pada tahun 2011.

Satu kematian berlaku di Perlis melibatkan seorang kanak-kanak berumur 10 tahun. Pesakit mendapatkan rawatan di klinik swasta setelah 2 hari mengalami gejala Demam Denggi dan dimasukkan ke wad sebelum dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk mendapat rawatan lanjut. Walau bagaimanapun pesakit meninggal dunia selepas 5 hari dirawat akibat Demam Denggi Berdarah. Kes adalah dari lokaliti wabak melibatkan 2 kes dan pesakit merupakan kes pertama dan kes kedua merupakan adik kepada pesakit. Pemeriksaan pembiakan Aedes yang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah menemui bekas pembiakan Aedes di sekitar kawasan kediaman pesakit iaitu di dalam kon, nilai

indeks Aedes dikawasan ini juga tinggi iaitu 2.7% melebihi dari paras nilai sensitif 1.0%. Satu gotong royong telah dijalankan pada november 2012 hasil inisiatif dan kerjasama daripada agensi kerajaan dan masyarakat setempat.

Dari pemantauan KKM, sejumlah 48 kawasan wabak dilaporkan di sepuluh (10) negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Kedah, Pahang, Sarawak dan Sabah. Satu lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini iaitu Ulu Strass di Sarikei, Sarawak. Usaha berterusan bagi membersihkan kawasan ini adalah perlu bagi memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Secara keseluruhan sebanyak 53,528 premis telah diperiksa dengan 754 premis ditemui pembiakan *Aedes* dan memberikan nilai indeks pembiakan *Aedes* seluruh negara adalah 1.4%. Negeri - negeri yang melebihi indeks Aedes paras sensitif 1.0% ialah Pulau Pinang (3.5%), Perlis (2.5%), Sabah (1.7%), Melaka (1.6%), Kedah (1.3%).

Sempena cuti persekolahan ini, anak-anak yang sedang bercuti ambillah peluang untuk menjaga kebersihan di persekitaran mereka, luangkan hanya 10 minit seminggu cari dan musnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes. Bagi orang ramai yang meninggalkan rumah melebihi tempoh seminggu perlu memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan di luar kawasan kediaman mereka. Ini perlu dijadikan amalan dalam kehidupan seharian kerana ianya amat penting bagi mencegah dan menghapuskan tempat berpotensi menjadi pembiakan nyamuk Aedes di samping dapat mencegah jangkitan Demam Denggi.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
22 November 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 46/2012
(11 hingga 17 November 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 46/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 46/2011
		Minggu 46 (11 – 17 November 2012)	Minggu 45 (4 – 10 November 2012)		
1	Perlis	6 (1)	2	156 (1)	100
2	Kedah	14	17	725 (4)	434
3	P. Pinang	13	18	697 (1)	1,445 (3)
4	Perak	31	32	1,529 (5)	1,171 (2)
5	Selangor	144	139	7,938 (12)	6,634 (8)
6	WPKL & Putrajaya	14	30	1,590 (3)	1,782 (2)
7	N. Sembilan	6	11	470 (2)	676 (3)
8	Melaka	6	6	408	370
9	Johor	20	16	1,414 (1)	1,410 (5)
10	Pahang	8	12	569 (1)	808 (1)
11	Terengganu	9	14	687	585 (1)
12	Kelantan	16	33	1,083	649 (1)
13	Sarawak	49	53	1,217 (1)	863
14	Sabah	14	28	536 (2)	364 (2)
15	WP Labuan	0	0	10	11
	MALAYSIA	350 (1)	411	19,029 (33)	17,302 (28)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI “HOTSPOT” DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 46 BAGI
TAHUN 2012 (11 - 17 NOVEMBER 2012)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	Sarawak	Meradong	Ulu Strass	7	38